



## Aqidah Human Perfectness as a Concept of Dakwah

**Sabiruddin Juli**

*There is a relation between human perfect ness and the concept of Muttaqun and Muflihun as Allah said that aqidah is a principle of human life perfection. Exactly, iman is aqidah, good activities and the honesty. Iman is often called as amal saleh, that is every good activities that done for living in this earth or after world. In other words, it is good for spiritual and material point of view. The writer concludes that people do not need to concentrate only one aspect. They should consider every Islamic aspects.*

### العقيدة أساس كمال الإنسان ، وهي منهج الدعوة

**بقلم : صبيح الدين جولي**

يتعرف كمال الإنسان بمنهج المتقين والمفلحين كما أشاره الله تعالى أن العقيدة أساس كمال الإنسان. إن الإيمان عقيدة وعمل وابلاغ. يأتي الإيمان بالعمل الصالح وذلك أن الأعمال تؤدي إلى خير الدنيا والأخرة بما للفرد أو المجتمع أو خير الروح والمال. خلص الكاتب إننا لا نبتغي أحد الخيرين في الإسلام. لا ينبغي على المساعدين أن لا يبتلي الدنيا لتبلي الكمال أو يهتم الدنيا فقط ولا يبتلي الآخرة

*Kesempurnaan insan ada hubungannya dengan konsep Muttaqun dan muflihun sebagaimana firman Allah. Aqidah adalah asas kesempurnaan hidup insan. Sesungguhnya iman itu ialah aqidah, amalan dan keikhlasan. Iman seringkali digandingkan dengan amal salih, iaitu setiap perbuatan yang boleh membawa kebaikan di dunia dan di akhirat, sama ada untuk kebaikan individu dan masyarakat atau kebakian kerohanian dan kebendaan.*

*Penulis menyimpulkan bahawa kita tidak seharusnya keterlaluan dalam mengejar satu aspek sahaja dari berbagai-bagai aspek dalam Islam. Tidaklah benar mereka yang keterlaluan sehingga mengenepikan keduniaan dengan alasan untuk mencari kesempurnaan, atau keterlaluan dalam mengejar keduniaan sehingga mengenepikan keakhiranata.*

Drs Sabiruddin Juli, M.A; Alumnus dan Dosen Fakultas Dakwah IAIN IB Padang,  
Menyelesaikan Magister dan sedang mengikuti Program Doktor di Universiti Kebangsaan Malaysia.



## Akidah Asas Kesempurnaan Insan Sebagai Konsep Dakwah

Sabiruddin Juli

### Pendahuluan

Islam adalah agama Allah (s.w.t.) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.). Ia mengandungi *akidah*, *syariah* dan *akhlik* atau dengan istilah yang digunakan dalam *hadith* tentang soalan Jibril (a.s.) terhadap Nabi Muhammad (s.a.w.), iaitu *iman*, *Islam* dan *ihsan*, (Sahih Muslim, Kitab al-Iman). Rasulullah (s.a.w.) telah menerima wahyu daripada Allah (s.w.t.) iaitu al-Qur'an, di dalamnya mengandungi asas-asas pengajaran Islam yang merangkumi dalam tiga aspek tersebut bagi menjamin kesempurnaan hidup manusia di dunia dan diakhirat.

Akidah merupakan dimensi teori (*nazari*) yang dituntut supaya mempercayai dan beriman dengannya. Ia mendahului dimensi-dimensi yang lain. Keimanan yang dikehendaki di sini ialah suatu pegangan yang tidak mudah digangu oleh keraguan dan kesamaran. Bukti-bukti yang terang dan jelas daripada al-Qur'an dan Sunnah menunjukkan bahawa sejak mula munculnya dakwah Islamiah, Rasulullah (s.a.w.) sangat menekankan soal akidah dan keimanan. Ini amat jelas sekali dalam surah-surah *makkiyyah*.

Manakala syariah pula merupakan dimensi amali yang membicarakan peraturan-peraturan yang disyariatkan oleh Allah (s.w.t.) bagi mengatur kehidupan insan tentang cara-cara berinteraksi dengan Allah (s.w.t.), manusia dan alam seluruhnya.

Selain itu, dimensi akhlak juga telah diutarakan oleh Islam bagi menimbulkan taraf kesedaran yang mendalam atau suasana penghayatan yang tinggi nilainya semasa mengamalkan akidah dan syariat itu.

Oleh itu, dalam tulisan ini, akan diuraikan ketiga-tiga dimensi tersebut kerana ia merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisahkan dalam menentukan prinsip-prinsip asasi ajaran Islam dan perlaksanaannya, sama ada luaran (*zahir*) dan dalaman (*batin*). Dengan memahami ketiga-tiga dimensi itu *insya'Allah* diharapkan semoga insan akan beroleh kebahagiaan dan kesempurnaan di dunia dan di akhirat.

### Pengertian Akidah dan Syariah



Bagi memudahkan huraian tentang akidah dan syariah menurut pandangan Islam, cuba perhatikan contoh-contoh yang terdapat dalam dua bahagian ini:

**Bahagian Pertama:** "Allah Yang Mutlak, Yang Esa, tanpa lawan, tanpa saingan", "Allah bersifat dengan sernua sifat kesempumaan", "Qur'an adalah suatu kebenaran", "Muhammad Rasul Allah", Hari kebangkitan adalah suatu kebenaran" dan "Syurga, Sirat, Mizan adalah kebenaran".

**Bahagian Kedua:** "Mencuri haram", "minum" arak adalah dari amalan syaitan", "solat lima waktu wajib", "solat hari raya sunat" dan "makan di waktu makan bulan Ramadhan mubah".


Dalam bahagian pertama, kita dapati hukuman yang telah ditentukan kepada perkara-perkara tersebut ada kaitannya dengan urusan hati (*qalb*) atau dengan ungkapan lain ianya berkaitan dengan urusan akidah atau kepercayaan dan pegangan seseorang yang terbit dari hati (*qalb*). Kewajipan kita memperakui dan membenarkan (*tasdiq*) dan ianya berkisar di sekitar teori (*nazar*) sahaja.

Dalam bahagian kedua pula, terdapat hukum-hukum yang telah ditetapkan itu tidak ada kaitannya dengan urusan hati orang-orang *mukallaf* (akidah mereka). Perbuatan-perbuatan yang dilakukan dalam bahagian ini berkait rapat dengan tingkah laku mereka, kerana hukum mencuri haram, solat lima waktu wajib, ada kaitannya dengan perbuatan atau tindak-tanduk mereka. Ada perbezaan yang ketara di antara menetapkan suatu hukuman tertentu di bidang akidah dan syariah, kerana akidah ada hubungan dengan urusan hati, manakala syariah berurus dengan tingkah laku dan tindak tanduk luaran.

Sesuatu penetapan hukum dalam akidah atau syariah adalah dianggap hukum syara' kerana akal tidak ada ruang baginya untuk membuat penentuan hukum. Oleh itu Qur'an menjadi rujukan untuk mengetahui tentang akidah dan syariah.

Ringkasnya akidah Islamiah adalah merupakan demansi teori (*nazari*) yang menjadi kewajipan ke atas setiap muslim beriman dengannya. Keimanan dan kepercayaan itu hendaklah dengan *tasdiq* yang jazim disertai dengan perasaan rida dan kepuasan (senang hati), sebagaimana digambarkan dalam Qur'an:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مِنْ أَكْرَهُ وَقْتَهُ مُطْمَئِنٌ بِإِيمَانِهِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ يَالْكُفَّارِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ  
غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ.



Yang bermaksud: Kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap senang dalam beriman (dia tidak berdosa). (al-Qur'an, Surah al-Nahl : 106)

Manakala syariah Islamiah pula adalah merupakan peraturan-peraturan yang telah disyariatkan oleh Allah (s.w.t.) untuk memberi panduan kepada manusia dalam menjalani kehidupan di dunia ini seperti perhubungannya dengan Allah (s.w.t.) dan perhubungannya dengan sesama manusia dan alam seluruhnya.

Dalam bahasa Qur'an, akidah dikenali dengan " iman", manakala syariah pula dikenali dengan "amal salih atau "istiqamah", Allah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانُوا لَهُمْ جَنَاحَاتٌ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَمَا يَرَوُنَّا إِنَّمَا يَرَوُنَّ مَا كَانُوا حَوْلًا

Yang bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang *beriman* dan *beramal salih*, bagi mereka adalah syurga firdaus menjadi tempat tinggal, mereka kekal di dalamnya, mereka tidak ingin berpindah daripadanya. (al-Qur'an, Surah al-Kahfi : 107,108)

Allah berfirman:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ نَكَرٍ أَوْ أَنْتَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنْخِيَّنَّهُ حَيَاةً طَلِيةً وَلَنْجُرِيَّنَّهُ أَجْزَهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

Yang bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan *amal salih*, samada lelaki atau wanita dalam keadaan *berimun*, maka sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan. (al-Qur'an, Surah al-Nahl : 97)

Allah berfirman:

وَالْعَصْرِ (1) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ (2) إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَيُؤَمِّنُوا بِالْحَقِّ وَكُوَّاصُوا بِالصَّنْبَرِ

Yang bermaksud: Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya mengamalkan kesabaran. (al-Qur'an, Surah al-'Asr: 1 -3)

Allah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا اللَّهُ مُّثُمَّ اسْتَقَامُوا فَلَا خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ.

Yang bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan "Tuhan kami ialah Allah" kemudian mereka tetap *istiqamah* maka tidak ada ketakutan terhadap mereka dan mereka tiada (pula) berdukacita. (al-Qur'an, Surah al-Ahqaf : 13)



Daripada ayat-ayat di atas, jelas sekali adanya pertalian yang kuat di antara akidah dan syariah. Setiap satu daripadanya tidak boleh berasingan, cuma yang berbeza ialah akidah sebagai asas untuk mendorong melakukan syariah, manakala syariah pula sebagai memenuhi kehendak akidah. Kombinasi di antara keduanya adalah sangat penting untuk menjamin kejayaan dan kesempurnaan hidup manusia.

### Pengertian Iman

Dari segi bahasa, iman ada mempunyai dua pengertian:

- (a) Memberi keamanan (*ta'min/i'ta'al-aman*) sebagaimana Allah berfirman:

لِلْيَافِقِ فَرِيقٌ (1) الْفَهِيمُ رَحْمَةُ الشَّتَاءِ وَالصَّيفِ (2) لَيَعْبُدُوا رَبَّهُذَا الْبَيْتَ (3) إِنَّمَا أَطْعَمُهُمْ مِنْ جُوعٍ وَأَمْتَهُمْ مِنْ خُوفٍ .

Yang bermaksud: Kerana kebiasaan orang-orang Quraysh (iaitu) kebiasaan mereka bepergian (*rihlah*) pada musim sejuk pada musim sejuk dan musim panas. Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan pemilik rumah ini (*ka'bah*), yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan *mengamankan* mereka dari ketakutan. (al-Qur'an, Surah al-Quraish)


Dengan pengertian itu, ianya adalah nama dari nama-nama Allah (s.w.t.) iaitu "*alMu'min al-Muhaimin*" kerana Allah (s.w.t.) menyelamatkan manusia daripada dizalimi.

Menbenar dan memperakui (*tasdiq*), ianya bertempat di dalam hati, sebagaimana Allah (s.w.t.) berfirman:

قُولُوا إِنَّمَا يَاللهُ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَاسْتَحْيَوْنَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ وَمَا أَوْتَيْتُكُمْ وَعِيسَى وَمَا أَوْتَيْتُ الْشَّيْءَوْنَ مِنْ رِزْقِهِمْ لَا يُنَزِّعُ بَيْنَ أَخْدَمْتُهُمْ وَنَحْنُ لِهِ مُسْلِمُونَ .

Yang bermaksud: Katakanlah ( wahai orang-orang mu'min): Kami telah *beriman* dengan Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim...." (al-Qur'an, Surah al-Baqarah : 136)

Manakala iman dari segi istilah, ada dua pendapat: Segolongan ulama' berpendapat bahawa iman adalah suatu yang *simple (basit)*, mereka telah menetapkan iman adalah hanya tidak lebih dari ber'tikad sahaja iaitu ilmu yang teguh (*jazim*) dengan segenap perkara yang telah *habit* dengan *darurah* bahawa ianya datang dari Allah (s.a.w.), dengan penuh rida dan senang hati dengan akidah tersebut. Ini sesuai dengan firman Allah:



فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكُ فِيمَا شَجَرَ بِيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْقُسْهُمْ حُرْجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا


Yang bermaksud: Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa *dalam hati* mereka sesuatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya. (al-Qur'an, S. al-Nisa : 65)

Majoriti ulama' berpendapat bahawa iman itu suatu yang complex (*murakkah*). Ianya tersusun daripada beberapa bahagian iaitu: Mbenarkan dengan hati (*al-tasdiq bi al-jinan*). (ii) Mengaku dengan lidah (*al-iqrar bi al-lisan*). (iii) Mengerjakan dengan anggota (*alamal bi al-jawarih*)

Untuk memudahkan lagi pemahaman orang ramai terhadap konsep-konsep ini, para ulama telah membuat perbandingan dengan sebatang pokok. Akar tunjangnya ialah *al-tasdiq*, umbinya ialah *al-iqrar* dan buahnya ialah *al-amal*. *Al-tasdiq* merupakan bahagian pertama daripada bahagian-bahagian iman. Kepentingannya samalah seperti tapak (*foundation*) bagi sebuah binaan. Apabila seseorang itu telah melakukan bahagian pertama, kemudian meninggal dunia dan tidak sempat melakukan bahagian-bahagian yang lain, maka ia akan mendapat kejayaan dengan keimannya itu.

*Iqrar* atau menyebut dengan lisan adalah bahagian kedua daripada iman. ia merupakan suatu perisyiaran tentang akidah yang dianuti atau suatu terjemahan terhadap apa yang tersemat di hati daripada kebenaran-kebenaran (*haqa'iq*) yang ada dalam agama Islam. *Iqrar* dengan lidah adalah penting kerana Allah (s.w.t.) menyuruh kita supaya menentukan sesuatu hukuman hendaklah berdasarkan kepada luaran (*zahir*), manakala apa yang ada dalam diri manusia adalah terserah kepada Allah (s.w.t.) untuk menentukannya.

Manakala bahagian ketiga daripada iman ialah *al-'amal*. Apa yang dimaksudkan dengan *al-'amal* di sini mengerjakan apa yang diperintahkan oleh Allah daripada perkara fardu dan sunat, serta menjauhi atau meninggalkan setiap perkara yang dilarang daripada perkara yang haram dan kesamaran. Oleh itu *al-'amal* mampu untuk menggerak manusia supaya melakukan perbuatan yang baik dalam kehidupan harian. Akidah yang tersimpul teguh dalam jiwa manusia, yang tidak dapat digoncang oleh apa-apa rintangan dan halangan, akan bertambah kuat dan teguh setiap kali seseorang itu menambahkan amalannya. Sebaliknya pula jika seseorang itu mengabaikan aspek amalan ini, maka akidahnya akan berkarat sebagaimana



sebuah cermin terbiar yang tidak dicuci, lama kelamaan' debu-debu pencemar akan menutupi permukaannya dan tidak dapat menjalankan fungsinya.

Dalam hal ini, Rasulullah (s.a.w.) telah menjelaskan dalam beberapa hadith seperti yang bermaksud: Sesiapa meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali tanpa kezuruan, nescaya dicatatkan daripada golongan orang-orang munafiq.

Yang bermaksud: Sesiapa meninggal solat Jumaat sebanyak tiga kali kerana kecualian, nescaya Allah menutupkan pintunya.

Daripada hadith-hadith tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa akidah seseorang yang bergelumang dalam maksiat itu akan lemah, dan berkurangan, sedikit demi sedikit sehingga akhirnya akan hilang dan lenyap.

Sebaliknya pula apabila seseorang itu sentiasa mengerjakan amalan-amalan kebaikan dan menyubur dan menambahkan kekurangan akidahnya sebagaimana dijelaskan oleh Allah (s.w.t.) dalam ayat-ayat berikut:

فَالْيَهُمْ هَا فَجُورُهَا وَنَقْوَاهَا (8) قَدْ أَفْلَحَ مِنْ زَكَاهَا (9) قَدْ خَابَ مِنْ نَسَاهَا .

Yang bermaksud: Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang mensucikan jiwa itu, dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya. (al-Qur'an, Surah al-Shams : 8-10)


قَدْ أَفْلَحَ مِنْ تَزْكَى .

Yang bermaksud: Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan dirinya (dengan beriman). (al-Qur'an, Surah al-A'la : 14)

وَالَّذِينَ اهْتَدُوا زَادُهُمْ هُدًى وَعَلَّا هُمْ نَقْوَاهُمْ .

Yang bermaksud: Dan orang-orang yang mendapat petunjuk Allah menambah petunjuk kepada mereka dan memberikan kepada mereka (balasan) ketakwaannya. (al-Qur'an, Surah Muhammad : 17)

Elok juga disebut di sini pendapat Imam al-Ghazali tentang iman ini, sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Ihya ulum al-Din* dan kitab *al-Iqtisad fi al-Itiqad*. Dalam kitab *al-Ihya* (1967:13) beliau membahagikan iman kepada tiga peringkat: Iman orang awam (*iman al-'awam*), iaitu iman mereka diasaskan kepada hanya membenarkan sahaja (*al-tasdiq al-mahd*). Dalam kitab *al-Iqtisad* pula beliau mengistilahkan dengan "*al-tasdiq al-taqlid*". Iman ulama kalam (*iman al-mutakallimin*), al-Ghazali mengistilahkan iman mereka dengan "*al-tasdiq al-burhani*" iaitu pengakuan/ pemberaran yang berdasarkan pendalilan. Mereka menggunakan berbagai jenis pendalilan yang berdasarkan akal. Mengikut



al-Ghazali lagi bahawa tingkat iman mereka sepertilah iman orang awam atau lebih sedikit dari mereka.

Iman ulama' 'arifin (*iman al-'arifin*) iaitu iman mereka berdasarkan penyaksian (*mushahadah*) dengan *nur al-yakin*. Dalam kitab *al-Iqtisad* digunakan istilah *al-'amal ma'a al-tasdiq* (beramal bersama pemberian). (al-Ghazali, t.th: 101-102).

Selanjutnya Imam al-Ghazali telah membuat perbandingan iman golongan yang pertama sepertilah iman orang yang mendapat berita tentang adanya seorang lelaki dalam sebuah rumah, lalu ia membenarkan/memperakui berita itu. Manakala iman golongan *mutakallimin* pula perbandingannya sepertilah seorang yang mendengar suara orang dalam sebuah rumah, lalu ia membenarkan/memperakui kewujudan orang dalam rumah tersebut. Seterusnya iman golongan '*arifin* pula perbandingannya sepertilah orang yang memasuki sebuah rumah, lalu ia melihat sendiri dengan matanya ada orang dalam rumah tersebut. Menurut al-Ghazali lagi iman golongan '*awam* dan *mutakallimin* boleh terdedah kepada kesalahan dan tidak tepat, namun begitu beliau meletakkan golongan-golongan tersebut termasuk dalam golongan *ashab al-Yamin* tetapi mereka belum lagi mencapai taraf *al-muqarrabin*. Adapun iman golongan '*arifin* menurut al-Ghazali tidak mungkin berlaku kesalahan *ma'rifah* orang-orang mukmin di peringkat ini diistilahkan dengan *al-ma'rifah al-haqiqiyah* dan *al-mushahadah al-yaqiniyyah*. Iman pada peringkat ini ada persamaannya dengan *ma'rifah al-muqarrabin wa al-siddiqin* kerana mereka beriman dengan melalui penyaksian (*mushahadah*). (al-Ghazali, 1967, 3:14).

Sebenarnya al-Ghazali telah memilih jalan tasyawuf, lalu beliau berpendapat bahawa jalan tersebut adalah jalan yang selamat dan paling baik untuk sampai kepada *ma'rifah* tentang hakikat ketuhanan. Dari pengalaman yang diperolehi oleh Ghazali menunjukkan bahawa *manhaj mutakallimin* tidak mampu untuk menerokai hakikat ketuhanan, oleh itu beliau menganjurkan supaya menggunakan pendekatan tasyawuf. Al-Ghazali telah membuat pendalilan bagi menguatkan hujahnya dengan berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah di antaranya firman Allah (s.w.t.):

فَإِذَا يَعْنَ لِجَلِيلٍ فَأَمْسِكُوهُ هُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ قَارِفُوهُ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهُدُوا ذُرَيْ عَذَلَ مِنْكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ  
لِلَّهِ تَلِكُمْ يُؤْعَذُ يَهُ مِنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالنَّوْمُ الْآخِرُ وَمَنْ يَتَقَبَّلُ اللَّهَ يَخْعُلُ لَهُ مَخْرَجًا (2) يَرْزُقُهُ مِنْ  
حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ تَوَكَّلَ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بِالْعِلْمِ أَمْرٌ وَقَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ وَقْرَأً.

Yang bermaksud: Sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia (Allah) akan mengadakan baginya jalan keluar (daripada keraguan dan kesamaran).



Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangkanya (mengikut al-Ghazali ayat ini juga bererti, Dan mengajarnya ilmu tanpa belajar). (al-Qur'an, Surah al-Talaq : 2-3)

Al-Ghazali juga menggunakan dalil dari hadith Rasulullah(s.a.w); Yang bermaksud: Sesiapa yang beramat dengan ilmu nescaya Allah mengajarnya/memberinya ilmu yang ia tidak mengetahuinya.

Ini dapat difahami menurut al-Ghazali bahawa ada juga ilmu yang datang melalui jalan *ilham Rabbani* sebagaimana yang disyaratkan dalam ayat al-Qur'an; Yang bermaksud: Dan Kami telah mengajarnya ilmu yang datang dari sisi ilmu Kami. (al-Qur'an, Surah al-Kahfi : 65) (ilmu ini diperolehi bukan dari pembelajaran biasa) (al-Ghazali 1967, 3:43).

### Aqidah Yang Wajib Diimani

Apa yang dituntut oleh Islam ke atas penganutnya ialah membenarkan dan memperakui dengan dua kalimah shahadah. Ianya merupakan asas terpenting dalam akidah Islam. Pengucapan adalah suatu tajuk penting yang bernaung di bawahnya sejumlah akidah Islamiah. Dua kalimah shahadah ini bererti iaitu tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar melainkan Allah, suatu Zat Yang Mutlak, Yang Esa, tanpa saingen, tanpa lawan, Yang Awal, Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin, Qadim tanpa awal, Azali tanpa permulaan, wujud tanpa kesudahan, Abdi tanpa akhir. Memiliki sifat kebesaran dan kelihatan (*Jalal*) serta kesempurnaan (*Kamal*). Tidak ada yang *majud* yang menyamai-Nya dan ia tidak menyerupai yang *majud*; ia tidak menyerupai apa-apa pun dan tidak ada apa-apapun yang menyerupaiNya. Ikrar dengan ketunggalan Allah (s.w.t.), juga memperakui *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* Allah (s.w.t.).

Begitu juga dalam dua kalimah *shahadah* mengandungi suatu yang jelas, kepatuhan dan keyakinan tentang kebenaran risalah Nabi Muhammad (s.a.w.) dan juga kebenaran apa yang dibawa olehnya dari segi akidah dan hukum hakam. Dengan membuat pengiktirafan terhadap risalah Nabi Muhammed (s.a.w.) akan membawa kepada beriman dengan kebenaran Qur'an dan perkara yang telah diterangkan olehnya seperti para rasul, malaikat, kitab-kitab dan hari akhirat sebagaimana firman Allah (s.w.t.):

لَمْ يُنَزَّلْ إِلَيْنَا الْذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ أَنْ عَادَةَ اللَّهِ الْمُلَكُ إِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي الْذِي يُحِبِّي وَيُمِيِّزُ قَالَ لَكَ أَخْرَى وَلَمْ يُمِيِّزْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِيُ الشَّمْسَ مِنَ الْمَشْرُقِ فَأَتَتْ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبِهِتَ الْذِي كَفَرَ وَاللَّهُ لَا يَنْهَايِ الْقَوْمُ الطَّالِمِينَ.

Yang bermaksud:



Rasul telah beriman kepada Qur'an yang diturunkan kepadanya dari TuhanNya demikian pula orang-orang yang beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatNya, Kitab-kitabNya. (Mereka mengatakan) "Kami tidak membeza-bezakan di antara seseorangpun dari rasul-rasulNya". (al-Qur'an, Surah al-Baqarah : 285) Dan firman Allah (s.w.t.):

لِبَرٍّ أَنْ تُثُلُوا وَجْهَهُكُمْ الْمَشْرِقَ وَالْمَغْرِبَ وَلَكُنَّ الْبَرَّ مِنْ عَامِنَ بِاللَّهِ وَالنَّبِيِّمُ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالثَّنَيْنِ وَعَانِي الْمَالِ عَلَى حَبَّهُ دُوِيَ الْقُرْنَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلَيْنَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَعَانِي الرِّزْكَةَ وَالْمُؤْفَقُونَ يَعْنِدُهُمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابَرِيْنَ فِي الْبَاسَاءِ وَالضَّرَاءِ وَحِينَ الْبُكْرِ أَوْ لَيْلَكَ الظَّيْنِ حَذَّقُوا وَأَوْلَيْكَ هُمُ الْمُتَقْوِنُ.

Yang bermaksud: Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebaikan (birr), akan tetapi sesungguhnya kebaikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi. (al-Qur'an, Surah al-Baqarah: 177)

Begitu juga 'Ubada ibn al-Samit telah meriwayatkan daripada Rasulullah (s.a.w.): Yang bermaksud: Sesiapa yang mengaku bahawa tiada tuhan melainkan Allah yang Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya, Muhammad adalah hamba dan rasul-Nya, Isa adalah hamba Allah dan rasul dan kalimahNya yang diberi kepada Maryam dan ruh dari-Nya, Syurga itu kebenaran dan neraka itu kebenaran. Allah memasukkan ke dalam syurga mengikut amalan yang dilakukan oleh seseorang. (R.Bukhari, Muslim dan al-Tirmizi)

Hadith ini mengandungi tiga asas penting yang terdapat dalam akidah Islamiah, yang diwajibkan oleh Islam ke atas umatnya supaya mereka mengetahui dan beriman:

**Pertama :** Mengenali dan beriman dengan Allah (s.w.t.) dan sifat-sifatNya. Ini dikenali dengan istilah (*al-Ilahiyyat*).

**Kedua :** Mengenali dan beriman dengan perantara (*al-wasitah*) di antara Allah (s.w.t.) dan hamba-hambaNya iaitu beriman dengan para rasul, malaikat dan kitab-kitab. Ini diistilahkan dengan (*al-nubuwat*).

**Ketiga :** Mengenali dan beriman dengan hari kebangkitan, hisab, pembalasan dan lain-lain. Ini diistilahkan dengan (*al-Sam'iyyat*).

Kesimpulannya kebenaran-kebenaran yang terdapat dalam akidah Islamiah hendaklah difahami oleh umat Islam. Pemahaman mereka itu seharusnya berjalan seiring dengan perlaksanaan terhadap amalan-amalan yang menjadi syarat bagi kesempurnaan akidah tersebut. Ini bertujuan supaya akidah tidaklah tinggal sebagai teori sahaja, tetapi diamalkan



kebenaran-kebenarannya yang boleh mendatangkan manfaat kepada individu dan masyarakat.

### Akidah dan Kesempurnaan Insan

Dariuraian di atas menunjukkan bahawa iman yang sebenar itu bukan hanya suatu teori atau pengakuan hati sahaja tanpa adanya amalan dan perbuatan. Sesungguhnya iman itu ialah akidah, amalan dan keikhlasan. Di samping itu iman seringkali digandingkan dengan amal salih. Apa yang dimaksudkan dengan amal salih ialah setiap perbuatan yang boleh membawa kebaikan di dunia dan di akhirat, sama ada untuk kebaikan individu dan masyarakat atau kebakian kerohanian dan kebendaan. Oleh itu jelas bahawa akidah adalah asas kesempurnaan hidup insan.

Kesempurnaan insan ada hubungannya dengan konsep *Muttaqim* dan *mu'lihun* sebagaimana firman Allah (s.w.t.):

الْمَرْءُ الْكَافِرُ لَا رَبَّ لَهُ فِيهِ هُنَّ لِلْمُنْتَقِيْنَ (الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيْمُونَ الصِّدَّاقَةَ وَمَمَّا رَزَقَنَا مُنْتَقِيْنَ) (3) الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أُنْزَلُ مِنْ قِبْلَكُمْ وَبِالآخِرَةِ هُمْ بِوْقُوْنَ (4) أُولَئِكَ عَلَى هُنَّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Yang bermaksud:

Alif lam min, kitab (Qur'an) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa, (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menaaskahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka, dan mereka yang beriman kepada kitab (Qur'an) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat, mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka dan mereka lahir orang-orang yang berjaya.(al-Qur'an, Surah al-Baqarah : 1-5)

Dalam ayat di atas, Allah menjelaskan orang-orang yang berjaya itu adalah orang-orang yang bertakwa, beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Ringkasnya, orang yang beriman dan beramal salih akan mendapat kejayaan. Kesempurnaan dan kebahagiaan dapat dirasai oleh seseorang apabila adanya keseimbangan dalam tiga aspek penting dalam hidupnya iaitu spiritual, fizikal dan mental.

Rasulullah (s.a.w.) adalah contoh yang paling baik untuk dijadikan ikutan. Baginda tidak mengabaikan aspek-aspek jasmani dan mental di samping mementingkan aspek rohani.



Di dalam Qur'an ada disebutkan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat. Untuk mengeluarkan zakat tertakluk kepada adanya harta. Bagaimana hendak berzakat dan bersedekah jika tidak memiliki harta yang cukup nisab? Oleh itu, kita dapat fahami bahawa unsur kekayaan itu tidak diabaikan oleh Islam, tetapi ada batas-batasnya kerana ia juga menjadi unsur ke arah kesempurnaan. Walaupun begitu, kesempurnaan tidak boleh diukur dari segi kebendaan semata-mata kerana belum tentu ia boleh memberi kesempurnaan sepenuhnya.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya kita tidak seharusnya keterlaluan dalam mengejar satu aspek sahaja dari berbagai-bagai aspek dalam Islam. Ada yang kadangkala keterlaluan sehingga mengenepikan keduniaan dengan alasan untuk mencari kesempurnaan, begitu juga kadangkala keterlaluan dalam mengejar keduniaan sehingga mengenepikan keakhiran dengan alasan yang sama untuk mendapat keselesaan dan kebahagiaan. Oleh itu contohilah Rasulullah (s.a.w.) kerana baginda adalah manusia *mithali* dan insan *kamil* yang sangat mementingkan akidah, syariat dan akhlak. Sebenarnya kombinasi antara tiga serangkai ini mampu menyempurnakan kehidupan insan dan peradabannya. Perjuangan untuk merealisasi hakikat-hakikat ini adalah suatu jihad yang memerlukan kefahaman, ketabahan dan kesabaran oleh semua pihak.

### Rujukan

- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali. 1967. *Ihya Ulum al-Din*, jilid III. Cairo: Muassasah al-Halabi wa Shurakahu.
- Yusuf al-Qardawi, Dr. 1973. *al-Iman wa al-Hayah*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Muhammad al-Ghazali. 1973. *Raka'iz al-Iman*. Cairo: Dar al-Sha'bi.
- \_\_\_\_\_. 1965. *Aqidah al-Muslim*. Cairo: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- \_\_\_\_\_. 1965. *Difa'an al-'Aqidah wa al-Shari'ah*. Cairo: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- Salid Hawwa. 1977. *al-Islam*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Bisar Dr. 1973. *al-'Aqidah wa al-Akhlaq*. Cairo: Maktabah al-Anglo al-Misriyyah
- Ahmad Ahmad Ghalwash, Dr. 1979. *al-Dakwah al-Islamiyyah*. Cairo: Dar al-Kitab al-Misri. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Mahmud Shaltut. 1966. *al-Islam: Aqidah wa Shari'ah*. Cairo: Dar al-Qalam.